

# Berita Kuala Lumpur City News **BANDARAYA**

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my) ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma  
Bil.4 April 2007/Rabiulawal - Rabiulakhir 1428H

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## e-LESEN



Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur sedang mencuba sendiri Sistem Pengurusan Pelesenan dan Penjaja (e-Lesen) - Gambar Berita Bandaraya

U saha kerajaan dalam mewujudkan Program Kerajaan Elektronik dipandang serius oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di mana program ini adalah amat penting bagi negara menghadapi cabaran era teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat berkembang.

DBKL kini telah berjaya maju setapak dalam mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada warga kota. Melalui teknologi multimedia dan jaringan sistem tanpa sempadan, DBKL kini berupaya untuk menawarkan perkhidmatan Sistem Pengurusan Pelesenan dan Penjaja (e-Lesen) di mana permohonan lesen-lesen daripada DBKL boleh dilakukan melalui internet. Pembangunan sistem ini adalah sejajar dengan usaha-usaha DBKL bagi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia.

Dengan jumlah rekod / fail kira-kira 134,000, pelbagai jenis lesen di bawah Jabatan Pelesenan DBKL dan 50,000 penjaja berlesen di bawah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil DBKL (ini tidak termasuk dengan permohonan baru yang diterima setiap tahun) suatu sistem yang lebih terkini dan terus telah digunakan.

Sistem ini digunakan bagi mempercepat dan mempermudah proses permohonan pelbagai jenis lesen secara 'on-line' bermula dari

pendaftaran permohonan, siasatan dan ulasan, pengesyoran, mesyuarat jawatankuasan, keputusan permohonan sehingga pengeluaran bil lesen. Pemohon juga boleh membuat pemantauan dan menyemak status permohonannya melalui sistem ini. Sistem ini mempunyai satu pengkalan data berpusat khusus yang menyimpan segala maklumat pelesenan. Ini membantu dan memudahkan proses kerja dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Selain itu juga, sistem ini dapat menyediakan pelbagai maklumat pelesenan dalam bentuk laporan/statistik yang lebih tepat bagi membantu kelancaran operasi pentadbiran jabatan, Dari itu sistem ini adalah lebih telus dan mesra pelanggan.

*bersambung di muka surat 4 & 5*



## DARI MEJA DATUK BANDAR



Kerajaan kini telah menekankan banyak penambahbaikan terhadap aspek sistem penyampaian perkhidmatan ke arah memenuhi kehendak rakyat melalui langkah-langkah seperti memantapkan jentera pentadbiran, memperbanyakkan saluran perkhidmatan dan mengkaji semula dan memperkemas peraturan, undang-undang dan prosedur kerja.

Selain itu Program Kerajaan Elektronik telah diwujudkan sebagai salah satu aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC). Program Kerajaan Elektronik ini dilihat sebagai satu program yang penting bagi negara menghadapi cabaran era teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat berkembang supaya negara sentiasa berada dalam arus perdana perkembangan ICT.

Pelaksanaan Program Kerajaan Elektronik bukan setakat penyediaan dan pelaksanaan infrastruktur, 'hardwares', 'software' dan aplikasi, tetapi turut melibatkan pembangunan modal insan yang terlatih, berkemahiran dan berpengetahuan. Ianya turut memerlukan penerapan dan pengalaman budaya baru iaitu budaya IT.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga tidak ketinggalan dalam membangunkan sistem ICT untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan produktiviti

serta memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada warga kota. Sehingga kini, sebanyak 38 projek dan sistem ICT telah, sedang dan akan dilaksanakan. Antaranya termasuk sistem e-Perumahan, e-Khidmat, e-Perubatan, Perpustakaan Digital, Sistem Kawalan Pembangunan (yang telah dilancarkan pada 18 Januari 2007 oleh Yang Berhormat Dato' Zulhasnan bin Rafique, Menteri Wilayah Persekutuan), dan Sistem Pengurusan Pelesenan dan Penjaja (e-Lesen) yang telah dilancarkan pada 4 April 2007.

Perancangan dan pelaksanaan pembangunan pelbagai jenis sistem ICT ini adalah sejajar dengan usaha DBKL dalam mewujudkan urus tadbir bandar raya (*city governance*) yang berkualiti tinggi, setanding dengan yang terbaik di dunia untuk mencapai wawasan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020.

Selaras dengan wawasan itu, DBKL akan terus berusaha mewujudkan persekitaran niaga bertaraf dunia serta mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dan kewangan antarabangsa. Dengan ini saya menyeru kepada warga kota agar sama-sama mengembeling usaha dan tenaga bagi sama-sama mencapai wawasan tersebut kerana tanpa usaha yang efisien dan berterusan, wawasan tersebut tidak mungkin akan dapat dicapai.

### Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: **Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2694 1373.** Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

**Penasihat:** Y. Bhg. Dato' Ab. Hakim Bin Borhan  
**Ketua Editor:** Y. Bhg. Datuk Hj Salleh Bin Yusup  
**Editor:** Mohd Sidek Bin Khalid  
**Sub-Editor:** Nur Diana Bt Md Ghazali  
**Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor  
Md Ismail Bin Isnin



# DVD/VCD/CD CETAK ROMPAK DIMUSNAHKAN



DVD/VCD/CD yang telah dirampas sepanjang tahun 2006 untuk dimusnahkan - Gambar Berita Bandaraya

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandang serius dengan kegiatan cetak rompak termasuklah kegiatan penjualan barangan tersebut. Banyak operasi yang telah dijalankan oleh DBKL dalam membanteras kegiatan ini. DBKL juga turut membantu agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam melaksanakan operasi ke atas barangan cetak rompak di sekitar Kuala Lumpur.

Sepanjang tahun 2006 (Mac – Disember) sebanyak 138,130 keping telah disita manakala pada bulan Januari 2007 adalah sebanyak 27,357 keping manakala bulan Februari 2007 adalah sebanyak 17,243 keping.

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan dalam membanteras kegiatan ini namun angka sitaan ini menunjukkan bahawa kegiatan cetak rompak masih lagi berleluasa. Usaha yang dijalankan oleh pihak berkuasa sahaja tidak mencukupi untuk membanteras kegiatan ini 100%. Oleh yang sedemikian, kerjasama orang ramai dalam memberikan maklumat serta tidak menyokong kegiatan ini amatlah dialu-alukan.

**“Kita tidak mahu negara kita Malaysia turut dikenali dan dilabelkan oleh pelancong luar negara sebagai negara yang menghalalkan industri cetak rompak dan penjualan barangan tiruan” – Datuk Hj Salleh b Yusup (Ketua Pengarah DBKL)**

#### Talian Kecemasan:

Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa - Aduan Awam  
(8 pagi sehingga 5 petang) – 03-2617 9925

Tol Bebas Telekaunseling (24 jam)

– 1800 882 600

Direktorat Penguatkuasaan (24 jam)

– 03-4022 0033 / 4024 4424

Skuad Penyelamat (24 jam) – 03-4023 1033 / 4023 1133

Unit Kecemasan (24 jam) – 03-9284 3636 / 3434 / 3433

#### Rakan Cop

<u>Negeri</u>	<u>Hotline</u>
Kuala Lumpur	03-2115 9999
Selangor	03-2052 9999
Perlis	04-971 1999
Kedah	04-739 2999
Pulau Pinang	04-269 1999
Perak	05-240 1999
Melaka	06-285 1999
Johor	07-221 2999
Terengganu	09-635 9999
Kelantan	09-745 0999
Pahang	09-515 1999
Sabah	088-318 555
Sarawak	082-240 800